

Sederhana sambut raya walaupun ekonomi sudah pulih: Mahathir

BH 08 JAN 2000

2

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam supaya bersikap sederhana walaupun perayaan Aidilfitri kali ini dapat disambut dalam suasana aman dan penuh kegembiraan berikutan pemulihan ekonomi negara.

“Walaupun kita berhak bergembira, gembira kita bukan sehingga hilang akal. Kegembiraan pada hari raya adalah kegembiraan yang sederhana kerana ia adalah kegembiraan beragama,” kata Perdana Menteri.

Dalam perutusan Aidilfitri

yang disiarkan secara langsung oleh radio dan televisyen, malam ini, Dr Mahathir berkata, rakyat tidak lagi berasa tertekan kerana boleh membeli barangan import seperti dulu, malah ramai umat Islam menjerjakan umrah pada bulan Ramadan.

“Juadah, makanan dan pakaian untuk Hari Raya dapat dibeli oleh hampir semua. Kita menunggu dengan senang hati lawatan sanak-saudara dan rumah kita terbuka untuk semua.

“Bagi pegawai kerajaan, bonus dan kenaikan gaji sudah

dinikmati. Perniagaan kecil dan besar memberi keuntungan yang baik. Pusat beli-belah pula dibanjiri pelanggan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, suasana selamat dan aman itu pula terus dinikmati kerana pasukan keselamatan sedia berkorban dan menjalankan tugas walaupun pada Aidilfitri.

“Di samping kita bersyukur kepada Tuhan, kita tetap akan kenang dan hargai jasa pasukan keselamatan kita, iaitu polis, tentera, bomba dan pasukan lain yang terbabit,” katanya.

Beliau berkata, sementara

ramai yang berjaya benar-benar berpuasa daripada semua segi, ada juga yang sengaja melayani nafsu kerana sebab-sebab tertentu.

Dr Mahathir berkata, beliau bimbang mengenai kesan serius kepada negara jika rakyat tidak bersyukur dan diajar supaya jangan terhutang budi terhadap nikmat yang mereka terima.

Katanya, ada pihak dengan sengaja dan kerana kepentingan tertentu mengajar rakyat supaya jangan bersyukur terhadap nikmat diterima atau terhutang budi kepada pihak

yang menyampaikan nikmat kepada mereka.

“Rakyat diajar supaya jangan terhutang budi kepada pihak yang menyampaikan nikmat kerana kononnya nikmat itu memang hak mereka dan jika tidak pihak itu yang menyampaikannya, pihak lain akan berbuat demikian.

“Perubahan makna kesyukuran ini mempunyai implikasi serius kepada masyarakat kita. Jika kita tidak menghargai dan berterima kasih kepada pihak yang menyampaikan sesuatu

LIHAT MUKA 2, RUANG 1

Sikap tidak bersyukur bukan budaya kita: PM

DARI MUKA 1

untuk kita, maka sudah tentu tidak akan ada sesiapa yang ingin menyampaikannya kepada kita,” katanya.

Sambil menyifatkan tindakan itu mendukacitakan, Perdana Menteri berkata, rakyat juga diajar supaya hanya bersyukur kepada Tuhan dan tidak perlu berterima kasih kepada penyampai nikmat.

“Jika kita menerima ajaran ini maka kita mungkin tidak menghargai Rasulullah yang membawa wahyu kepada kita. Apakah akan terjadi kepada agama kita, kepercayaan kita, dan akidah kita jika tidak menghargai serta

menjunjung tinggi Rasul pembawa berita gembira,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata, sikap tidak bersyukur segelintir rakyat itu bertentangan sama sekali dengan budaya kita yang dicerminkan melalui pantun: Pulau Pandan jauh ke tengah, Gunung Daik bercabang tiga, hancur badan di kandung tanah, budi yang baik dikenang juga.

Sebab itu, katanya, ketika bergembira berhari raya, rakyat juga perlu merenung masalah yang dibawa pihak tertentu kerana takut kesyukuran yang biasa dirasai akan membawa kerugian.